



**MAJLIS PERUBATAN TRADISIONAL & KOMPLEMENTARI (PT&K)  
PANDUAN RAYUAN UNTUK PENDAFTARAN SEBAGAI PENGAMAL PT&K  
BERDAFTAR**

**A) Arahan:**

Pengamal yang permohonan pendaftarannya ditolak oleh pihak Majlis PT&K akan menerima satu surat pemakluman penolakan secara rasmi daripada pihak Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari (CMPTK). Rayuan untuk pendaftaran sebagai pengamal PT&K berdaftar hanya dibuat setelah surat tersebut diterima oleh pengamal yang berkenaan sahaja.

**B) Sebab-Sebab Permohonan Pendaftaran Pengamal PT&K Tempatan Ditolak**

Antara sebab-sebab penolakan permohonan pendaftaran bagi pengamal PT&K tempatan adalah seperti berikut:-

1. Tidak memiliki **kelayakan diiktiraf** seperti yang ditetapkan oleh Majlis PT&K.
2. Tidak mempunyai tempoh **pengalaman yang mencukupi** bagi pengamal dalam golongan *grandfathering* dalam bidang perubatan tradisional Melayu (PTM), perubatan tradisional Cina (PTC), perubatan tradisional India (PTI) dan homeopati dalam tempoh peralihan seperti yang ditetapkan oleh Majlis PT&K.
3. Tidak memenuhi **keperluan saringan i-Syifa'** (hanya terpakai untuk amalan pengobatan Islam sahaja).
4. Tidak memenuhi **keperluan menghadiri Kursus Pembangunan Kapasiti (KPK)** bagi pengamal PTM, PTC, PTI dan homeopati yang berkenaan sahaja dalam tempoh peralihan seperti yang ditetapkan oleh Majlis PT&K.
5. Tidak dapat mengemukakan **dokumen lengkap** bagi tujuan pemprosesan permohonan pendaftaran dan segala usaha untuk menghubungi pengamal tersebut gagal.
6. Pengamal didapati mengemukakan **dokumen yang telah dipalsukan**.
7. Pengamal **tidak mengamal** dalam Bidang Amalan Diiktiraf.

### C) Sebab-Sebab Permohonan Pendaftaran Pengamal PT&K Warga Asing Ditolak

Antara sebab-sebab penolakan permohonan pendaftaran bagi pengamal PT&K warga asing adalah seperti berikut:-

1. Tidak memiliki **kelayakan diiktiraf** seperti yang ditetapkan oleh Majlis PT&K.
2. Tidak mempunyai **tempoh pengalaman yang mencukupi**, iaitu pengalaman mengamal adalah kurang dari 5 tahun.

### D) Kaedah Mengemukakan Surat Rayuan Kepada YB Menteri Kesihatan

Sekiranya pengamal tidak berpuas hati dengan keputusan penolakan pendaftaran tersebut, pengamal hendaklah mengemukakan rayuan secara bertulis melalui pos kepada Yang Berhormat (YB) Menteri Kesihatan dengan tajuk berikut:

#### **RAYUAN UNTUK PENDAFTARAN SEBAGAI PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI**

Berdasarkan Subseksyen 23(7) Akta PT&K 2016, mana-mana orang yang permohonan pendaftarannya di bawah subseksyen (1) ditolak oleh Majlis boleh merayu kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari selepas diberitahu mengenai penolakan itu. Rayuan yang dikemukakan lewat dari tempoh yang ditetapkan **tidak akan dilayan**. Tempoh tersebut akan dikira dari tarikh surat penolakan dikeluarkan.

Pengamal hendaklah mengemukakan alasan dan justifikasi dalam surat tersebut berserta dokumen-dokumen tambahan yang berkaitan agar rayuan pengamal dapat dipertimbangkan, antaranya:

1. Sekiranya penolakan adalah disebabkan oleh tidak memiliki **kelayakan diiktiraf** –
  - a) Bukti secara bertulis daripada pihak insititusi pengajian yang berkaitan berkenaan kewujudan dan latar belakang insititusi pengajian tersebut.
  - b) Bukti secara bertulis daripada pihak institusi pengajian yang berkaitan bahawa pengamal merupakan mahasiswa yang pernah menjalani program pengajian di institusi tersebut dalam bidang amalan yang dipohon.
  - c) Bukti bahawa institusi pengajian yang berkaitan dikawal selia oleh Badan/Agensi Pendidikan dari negara tersebut/ negara lain.

- d) Bukti bahawa program dalam bidang amalan diiktiraf yang ditawarkan oleh institusi pengajian yang berkaitan merupakan program yang diakreditasi oleh Badan/Agensi Kelayakan dari negara tersebut/ negara lain.
- e) Bukti bahawa program dalam bidang amalan diiktiraf yang ditawarkan oleh institusi pengajian yang berkaitan merupakan program yang diiktiraf oleh Badan/Agensi yang mengawal selia bidang amalan berkaitan dari negara tersebut/ negara lain.
- f) Salinan pasport yang diperakui sah membuktikan bahawa pengamal mempunyai permit/visa sebagai mahasiswa di institusi di negara tersebut.
- g) Salinan sijil kelayakan dan transkrip akademik yang diperakui sah bagi kelayakan dalam bidang amalan diiktiraf yang dipohon daripada institusi berkaitan.
- h) Serta apa jua dokumen-dokumen tambahan yang difikirkan perlu untuk menyokong permohonan rayuan tersebut.

2. Sekiranya penolakan adalah disebabkan oleh tidak mempunyai **tempoh pengalaman yang mencukupi** –

- a) Maklumat pengalaman yang lengkap dengan menyatakan tempoh dan tempat mengamal atau *Curriculum Vitae*.\*
- b) Pengesahan bukti pengalaman keseluruhan secara bertulis daripada orang yang diluluskan oleh Majlis PT&K dan juga daripada majikan atau pihak berkaitan bagi setiap pengalaman yang dinyatakan.\*\*

Nota:

\* Maklumat pengalaman yang tidak lengkap atau tidak berkaitan dengan bidang amalan diiktiraf yang dipohon tidak akan diambil kira.

\*\* Pengesah untuk tujuan pengesahan bukti pengalaman mengamal hanya boleh terdiri daripada :

- a) Ketua kampung/ penghulu/ pengerusi persatuan penduduk atau rukun tetangga/ ketua rumah panjang tempat pengamal bermastautin; atau
- b) Majikan tempat pengamal bekerja; atau
- c) Pengetua/ pengurusan tertinggi institusi yang berkaitan; atau
- d) Pengerusi badan pengamal yang ditetapkan bagi Bidang Amalan Diiktiraf masing-masing.

3. Sekiranya penolakan adalah disebabkan oleh tidak memenuhi **keperluan saringan i-Syifa'** –

- a) Bukti pengamal memenuhi keperluan saringan i-Syifa'.

4. Sekiranya penolakan adalah disebabkan oleh tidak memenuhi keperluan **KPK –**
  - a) Bukti pengamal memenuhi keperluan KPK
5. Sekiranya penolakan disebabkan oleh tidak dapat mengemukakan **dokumen lengkap –**
  - a) Pengamal perlu mengemukakan dokumen lengkap yang berkaitan
6. Bagi pengamal yang didapati **melakukan pemalsuan dokumen**, semakan terperinci akan dilakukan. Sekiranya semakan terperinci menyokong penemuan asal, rayuan tersebut akan ditolak.
7. Bagi pengamal yang memohon untuk didaftarkan dalam **bidang amalan yang tidak diiktiraf**, tiada rayuan yang akan dipertimbangkan dan rayuan tersebut akan ditolak serta merta.
8. Sekiranya permohonan pendaftaran **bagi pengamal PT&K warga asing ditolak**, tiada rayuan yang akan dipertimbangkan apabila ianya disebabkan oleh mana-mana daripada perkara berikut –
  - a) Bidang amalan yang dipohon bukan bidang amalan diiktiraf
  - b) Kelayakan asas pengamal tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan
  - c) Pemalsuan mana-mana dokumen
  - d) Pengamal telah disenarai hitamkan oleh negara asal, Majlis PT&K, Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia atau agensi kerajaan yang lain;

#### **E) Keputusan Rayuan**

Rayuan adalah tertakluk kepada keputusan YB Menteri Kesihatan setelah dokumen-dokumen berkaitan diteliti. Apa jua keputusan oleh YB Menteri Kesihatan adalah **MUKTAMAD**.